

utusan malaysia (15/7/2022) Page 34

Trend kes muflis menurun

ISU muflis acapkali digembar-gemburkan sebagai sinonim dengan keadaan kewangan yang semakin parah. Baru-baru ini ada pihak (Persatuan Penelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia) mengaitkan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dengan trend muflis. Hakikatnya, apabila dilihat dari segi trend dan maklumat terkini daripada bank-bank dan institusi bukan bank terpilih (penyedia perkhidmatan sewa beli), trend kes muflis bagi individu semakin menurun sejak tahun 2016. Ini termasuk tempoh masa di mana OPR meningkat pada tahun 2018.

Untuk mengisytiharkan seseorang sebagai muflis bukanlah perkara mudah.

Banyak prosedur yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan atau pemiutang lain.

Tindakan kebangkrutan merupakan adalah jalan terakhir oleh institusi kewangan, setelah segala usaha pemulihan lain dilakukan untuk mendapatkan balik pinjaman yang telah diberi kepada peminjam.

Mengikut Prinsip Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan dan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, institusi kewangan dikehendaki untuk memastikan peminjam yang menghadapi kesulitan dalam membayar balik pinjaman dilayan dengan adil dan diberi pertimbangan yang sewajarnya sebelum sebarang tindakan kebangkrutan diambil.

Bagi para peminjam yang menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran balik pinjaman, mereka digalakkan supaya mengambil tindakan proaktif



NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

untuk menghubungi institusi kewangan masing-masing sebelum pinjaman tersebut menjadi pinjaman tidak berbayar bagi mengelakkan petisyen kebangkrutan difailkan oleh institusi

Tahun	Jumlah kes kebangkrutan
2018	5,283
2019	3,948
2020	2,844
2021	1,884
Jan. - Apr. 2022	515

● Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan. Ini membolehkan institusi kewangan untuk menawarkan pakej bayaran balik pinjaman yang sesuai kepada peminjam bagi membantu mereka ketika menghadapi kesulitan kewangan.

BNM juga mendapati peminjam telah beransur-ansur keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman dan trend bayaran balik pinjaman sistem perbankan juga mencatatkan penambahbaikan pada Suku Pertama 2022, di mana trend ini meningkat kepada purata 92% daripada tahap bayaran balik pinjaman sebelum pandemik (Suku Pertama 2020).

Peminjam juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk dipertimbangkan di bawah Program Pengurusan Kredit (PPK). Program ini dapat membantu mereka untuk menstrukturkan semula pinjaman sedia ada dan seterusnya, membolehkan peminjam untuk terus membayar balik pinjaman. Hal ini dapat mengelakkan mereka daripada tindakan undang-undang yang boleh diambil seperti kebangkrutan atau lelongan harta, sekiranya peminjam gagal meneruskan bayaran balik pinjaman. Sejak penubuhannya pada tahun 2006, AKPK telah memberikan khidmat nasihat kewangan kepada 1.2 juta peminjam.

Daripada jumlah tersebut, 360,095 peminjam telah dibantu di bawah PPK. Untuk pertanyaan lanjut atau bagi mendapatkan perkhidmatan AKPK, orang ramai boleh melayari laman sesawang AKPK (www.akpk.org.my) atau membuat temu janji melalui

akpk.org.my) atau membuat temu janji melalui

Borang Permohonan Perkhidmatan AKPK (services.akpk.org.my).


BNM juga bekerjasama rapat dengan rakan kongsi dan agensi lain melalui Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) untuk mempergiatkan usaha meningkatkan celik kewangan dalam kalangan individu supaya mereka boleh membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi sambil memupuk sikap peminjam yang bertanggungjawab. Perkara ini amat penting bagi memperkukuh lagi sistem kewangan yang utuh dan mengekalkan aliran kredit kepada ekonomi.

Perlu dijelaskan bahawa selain institusi kewangan, tindakan kebangkrutan turut diambil oleh pemiutang lain yang berada di luar bidang kuasa BNM, seperti syarikat pemberi kredit, pembekal dan sebagainya. Sehubungan ini, Kementerian dan agensi yang terbabit dalam hal ini sedang giat berusaha untuk memastikan peminjam/penghutang mendapat layanan yang adil dan bertanggungjawab melalui pengubalan Akta Kredit Pengguna (AKP) dan penubuhan Lembaga Pemantauan

Kredit Pengguna di bawah Kementerian Kewangan serta penetapan standard dan garis panduan yang seragam berkaitan dengan Prinsip Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan dan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab.

DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

Gabenor Bank Negara Malaysia



● Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia